

Pemulihan PKS, Alliance Bank tawar pelbagai produk perbankan

April 5, 2023 Written by Media Baharu Published in Ekonomi



KUALA LUMPUR, 5 April- Alliance Bank Malaysia Berhad akan bekerjasama dengan institusi kewangan lain bagi menawarkan lebih banyak produk untuk segmen Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulannya, Kellee Kam, langkah itu bertujuan mempercepatkan sokongan bagi pemulihan PKS, melalui kepelbagaiannya produk.

"Kita banyak melakukan inovasi. Dari segi produk baharu dan servis, kita telah berjaya buat BizSmart ke mudah alih dan itu yang pertama.

Ia melibatkan kerjasama. Sebagai sebuah bank, kita terbuka untuk bekerjasama dengan pihak yang boleh bekerjasama dengan pantas," Kellee Kam kepada pemberita selepas Majlis Pelancaran Nombor Kad Dinamik Pertama bagi Kad Kredit Visa Maya di ibu negara.

Tambahnya, bank turut menyasarkan pertumbuhan pelanggan dua kali ganda bagi kad kredit Visa Maya menjelang akhir tahun ini, didorong ciri-ciri yang dipertingkat.

Alliance Bank ketika ini mempunyai lebih 120,000 pengguna kad kredit dan penyelesaian pembayaran terbaharu ini dijangka menggalakkan urus niaga dalam talian yang lebih selamat.



(Foto Fail)